

04 SEP 2001

SEA-Agong

YANG DI-PERTUAN AGONG RASMI SUKAN SEA PADA SABTU

Oleh: D.Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan merasmikan Sukan SEA ke-21 di Stadium Nasional di Bukit Jalil pada Sabtu ini.

Seri Paduka Baginda dijadual tiba di stadium pada 8.10 malam dengan diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri serta menteri kabinet dijangka hadir bersama-sama juga dengan jemputan dari sembilan negara peserta lain.

Upacara perasmian akan bermula dengan persembahan seni mempertahankan diri serta acara payung terjun, diikuti perbarisan kesemua 10 kontinjen dan juga perarakan bendera Persekutuan Sukan Asia Tenggara.

Presiden persekutuan Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar yang juga Presiden Majlis Olimpik akan memberikan kata-kata aluan sebelum Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein menyampaikan ucapannya selaku pengerusi jawatankuasa penganjur.

Yang di-Pertuan Agong dijangka merasmikan sukan itu pada 9.35 malam.

Upacara itu akan diteruskan dengan ketibaan obor Sukan SEA yang telah dibawa mengelilingi seluruh negara sejak beberapa bulan lepas.

Ia dibawa oleh beberapa ahli sukan semasa dan dahulu dari Malaysia dan sembilan negara peserta lain.

Selepas upacara melafazkan ikrar, Seri Paduka Baginda akan diperkenalkan kepada kesemua 10 ketua kontinjen.

Ini akan diikuti dengan persembahan oleh kanak-kanak sekolah dan anggota pasukan keselamatan selain dengan pertunjukan bunga api.

Beberapa artis tempatan akan juga menghiburkan penonton.

Sejumlah 3,512 ahli sukan dari Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam akan bertarung untuk merebut 391 emas yang dipertandingkan sepanjang sukan itu yang berakhir 17 Sept ini.

-- BERNAMA

AR MKO YBY MAI